

6/4/2015  
mls 10 - 11



HELIKOPTER membuat tinjauan udara ketika operasi menyiasat helikopter terhempas di Kampung Pasir Baru, Semenyih.



PENDUDUK kampung menunjukkan anggota polis serpihan pesawat yang ditemui.

# DAUPHIN TAHAN GELORA

■ Bekas juruterbang TUDM beri pendapat kemungkinan berlaku





ANGGOTA bomba membawa anjing pengesan ke lokasi helikopter terhempas.



AHLI keluarga mangsa dibawa ke tempat kejadian malam kelmarin.



### Kuala Lumpur

**H**elikopter AS365N2 Dauphin yang terhempas sebelum terbakar di Semenyih, petang kelmarin adalah antara yang terancang serta mempunyai ketahanan tinggi biarpun berdepan cuaca buruk seperti hujan dan petir.

Ia juga mampu dikendalikan walaupun pada jarak penglihatan hanya satu batu nautika dan tahan suhu melebihi 50 darjah Celsius.

Selain itu, dengan sistem empat 'axis autopilot' ia memudahkan perjalanan jarak jauh sehingga empat juta masa penerbangan pada kadar gegaran yang rendah.

Juruterbang berpengalaman Mejar (B) Azhari Ghazali berkata, helikopter berkenaan digunakan untuk perjalanan me-

lebih 4,000 kilometer dan dilengkapi sistem radar dan altimeter untuk memudahkan juruterbang mengendalikannya.

"Kecanggihan helikopter ini yang dilengkapi dua enjin jenis Turbomeca Arriel 2C memberi tahap keselamatan yang kukuh berbanding helikopter lain dalam kategori yang sama.

"Peratusan untuk berlaku kemalangan udara agak sukar dengan kecanggihan pesawat ini berikutan jika terdapat kegagalan sistem, juruterbang boleh mengetahui dengan segera dan sempat mendarat di kawasan lapang," katanya yang juga bekas juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Azhari berkata, berdasarkan fakta itu, beliau berpendapat, tragedi helikopter terhempas yang mengorbankan Ahli Parlimen Rompin Tan Sri Jamaluddin Jarjis serta Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri Datuk Azlin Alias bersama empat yang lain berkemungkinan besar disebabkan faktor teknikal lain seperti kegagalan sistem kotak gear utama.

"Kemungkinan untuk pesawat meletup di udara adalah rendah kerana jika itu berlaku, kipas enjin utama pesawat akan tercabut dan terpelanting jauh dari kawasan terhempas sedangkan bangkai pesawat ditemui bersama komponen enjin di kawasan kecil.

"Jika ada bunyi meletup pun sebenarnya mungkin daripada bunyi lain yang tidak

6/4/2015  
mlsu

FOTO: AZHAR RAMLI, KHAIRUL AZRY BIDIN, GHAZALI KORI



ANGGOTA bomba dan JPAM menurunkan jenazah mangsa seurus tiba di Hospital Kuala Lumpur untuk dibedah siasat, malam kelmarin.



ANGGOTA polis memasuki tempat lokasi kejadian.

“ Peraturan untuk berlaku kemalangan udara agak sukar dengan kecanggihan pesawat ini berikutan jika terdapat kegagalan sistem, juruterbang boleh mengetahui dengan segera dan sempat mendarat di kawasan lapang”

Azhari Ghazali

menyebabkan pesawat terbakar kerana dalam amalan biasa, juruterbang akan tahu apa masalah pada sistem helikopter dan memberikan isyarat kepada menara kawalan, dan untuk keadaan itu berlaku, dia masih mempunyai masa untuk membuat keputusan,” katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Dia yang berpengalaman lebih 30 tahun di-dalam mengendalikan helikopter Eurocopter berkata, jika berlaku kecemasan, juruter-

bang akan menganalisis terlebih dulu masalah pesawat dan jika ada petir biasa di kawasan itu, pesawat masih mampu bertahan dan mampu mendarat dengan selamat.

Menurutnya, terdapat dua laluan dari Kuantan ke Subang iaitu melalui Temerloh, Bentong, Batu Caves sebelum ke Subang atau Sungai Besi di bawah 1,000 meter.

Manakala satu lagi laluan ialah Kuantan ke Kuala Klawang, Kajang, Semenyih, seterusnya ke Sungai Besi dengan jarak ketinggian di bawah 500 meter.

Mejar Azhari berkata, pesawat AS365 dibina mengikut Peraturan Alat Penerbangan (IFR) yang membolehkan ia terbang mengikut jarak dan had tertentu, namun memiliki kelengkapan antara yang tercanggih di dunia.

“Sebab itu kalau kita nak katakan sebab cuaca, ia terlalu subjektif. Pada saya ada punca lain. Biar kita tunggu pengesahan daripada pihak berkuasa kerana ia masih dalam siasatan,” katanya.

Berdasarkan maklumat dalam laman sesawang Eurocopter [www.airbushelicopters.com](http://www.airbushelicopters.com), helikopter itu sering digunakan se-

bagai pengangkutan korporat dan persendirian.

Di samping itu, pesawat itu juga kerap digunakan dalam urusan penguatkuasaan undang-undang, perkhidmatan perubahan kecemasan (EMS) dan usaha mencari dan menyelamatkan.

AS365N2 Dauphin adalah helikopter jenis berat sederhana dua enjin pelbagai guna yang mula dibangunkan dan dikeluarkan oleh firma Perancis, Aerospatiale sebelum bergabung dengan syarikat Eurocopter multinasional itu pada 1990-an.

Helikopter ini dikeluarkan secara berterusan sejak 1975 hingga kini.

**ANGGOTA bomba melakukan siasatan di lokasi nahas.**

